

31 JUL 1997

Muhyiddin-Sukom

BELANJAWAN SUKOM DITENTUKAN PADA 7 OGOS

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Anggaran terperinci kos penganjuran Sukan Komanwel 1998 akan ditentukan dalam masa seminggu selepas semua jawatankuasa yang terlibat mengemukakan laporan kewangan masing-masing, kata Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Katanya, kesemua 15 jawatankuasa serta syarikat penganjurnya Sukom Ninety Eight Berhad telah diminta menyerahkan laporan masing-masing pada mesyuarat Jawatankuasa Kewangan pada 7 Ogos.

"Belanjawan yang dirangka oleh Sukom sebelum ini berjumlah dalam lingkungan RM305 juta dan ini berdasarkan sukan-sukan sebelumnya. Kini kita akan tahu perbelanjaan sebenar setiap jawatankuasa," kata beliau kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Majlis Sukan Komanwel hari ini.

Bagaimanapun, Muhyiddin berharap belanjawan itu tidak melebihi anggaran sekarang dan meminta kesemua jawatankuasa memastikan perbelanjaan berhemat.

"Kita tidak mahu berbelanja secara besar-besaran atau 'lavish.' Tetapi kita tetap akan memastikan persembahan terbaik dan tidak menjejaskan standard," kata beliau.

Katanya, mesyuarat hari ini juga telah membincangkan soal belanjawan yang akan ditanggung oleh Sukom dan kerajaan serta pengerahan kakitangan kerajaan dan agensinya seperti polis, tentera.

Katanya, kastam dan imigresen akan menyediakan lebih 600 kakitangan khas dan lorong khas di pusat-pusat pemeriksaan masuk untuk menguruskan kemasukan atlet, pegawai dan peralatan semasa Sukan Komanwel itu nanti.

Jawatankuasa Keselamatan dan Trafik, yang dipengerusikan oleh Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor, pula telah menyediakan laporan terperinci soal keselamatan yang mengambil kira segala kemungkinan yang, kata beliau.

Katanya, sebanyak 3,000 petugas perubatan akan dikerah manakala Pusat Doping di Universiti Sains Malaysia di Pulau Pinang telah siap dan sedang menunggu pengiktirafan Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC).

Beliau juga menyambut baik jaminan Projek Usahasama Transit Ringan Sdn Bhd (Putra) bahawa sistem pengangkutannya akan siap sebelum Sukan Komanwel September tahun depan.

"Sebelum ini, saya difahamkan ia tidak akan siap sepenuhnya. Kami memerlukan laporan yang tepat agar maklumat yang sebenar dapat dimasukkan dalam program dan buku terbitan Sukan Komanwel," kata beliau.

Beliau juga berkata semua anggota "Keluarga Sukan Komanwel" termasuk atlet, pegawai dan sukarelawan akan diberi pas percuma untuk menggunakan sistem pengangkutan awam semasa sukan itu.

Muhyiddin berkata peruntukan RM37 juta untuk Program Kecantikan Bandaraya yang akan diagihkan antara pihak berkuasa di Kuala Lumpur dan Selangor hanya boleh digunakan untuk tujuan itu dan bukannya untuk membeli kenderaan atau sebagainya.

Katanya, Telekom Malaysia akan membelanjakan RM200 juta untuk menyediakan peralatan tercanggih semasa sukan itu dan kerja pemasangan kabel akan dijalankan serentak dengan pembinaan infrastruktur sukan sekarang.

Muhyiddin juga berkata kerja pembinaan semua tempat acara sukan berjalan mengikut jadual, kecuali stadium utama dan stadium tertutup yang terlewat beberapa minggu. Bagaimanapun beliau yakin ia dapat disiapkan menjelang akhir tahun ini.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melawat tapak pembinaan Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil pada 23 Ogos.

-- BERNAMA

AR NMO